



## IKLAN JAWATAN KOSONG (PENGAMBILAN SEGERA)

### SEKRETARIAT JARINGAN DAN ALUMNI

### FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN

Kami memerlukan **Warganegara Malaysia** yang **berkelayakan, komited dan berdedikasi** untuk berkhidmat di Sekretariat Jaringan dan Alumni FSSK UKM bagi jawatan seperti berikut:

#### PEGAWAI TADBIR N41

##### **Klasifikasi**

**Perkhidmatan :** Pengurusan dan Profesional

**Gaji :** RM2,283.43

**Taraf Jawatan :** Kontrak

**Umur :** Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup permohonan.

**Syarat Lantikan :**

##### **Lantikan Terus**

- i. Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya ; **DAN**
- ii. **Kepujian** Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### **Keutamaan adalah diberi kepada calon yang;**

- 1- Memperolehi Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian dalam bidang **Sains Sosial** (sekurangkurangnya PNGK 3.00 ke atas) daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan/antarabangsa atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- 2- Mempunyai keterampilan yang baik serta kemahiran komunikasi
- 3- Mempunyai kemahiran mengendalikan perisian komputer seperti Excel, Word dan Power Point bagi menguruskan database dan pelaporan Alumni FSSK.
- 4- Mempunyai kebolehan berinteraksi menggunakan sosial media dengan baik
- 5- Kemahiran melaksanakan dan menguruskan program fakulti bersama Alumni
- 6- Kemahiran berbahasa Inggeris dengan baik untuk perhubungan Alumni Antarabangsa

- 7- Berupaya membantu dalam penyediaan dokumen-dokumen rasmi berkaitan alumni

### **Peranan dan Tanggungjawab**

- 1- Mengumpulkan maklumat alumni FSSK yang terkini dan lengkap
- 2- Mengenal pasti alumni FSSK yang sesuai untuk program dan penjanaan Pengurusan
- 3- Pengurusan tabung alumni FSSK
- 4- Menguruskan program kebajikan fakulti bersama alumni
- 5- Pengurusan saguhati Alumni FSSK
- 6- Melaksanakan tugas-tugas lain berkaitan Sekretariat Jaringan dan Alumni

### **Cara memohon;**

Pemohon yang berminat perlu mengemukakan *resume* lengkap dengan menyatakan sekurang-kurangnya dua rujukan. Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan secara emel kepada [heijmfssk@ukm.edu.my](mailto:heijmfssk@ukm.edu.my) dan “cc” kepada [tntm@ukm.edu.my](mailto:tntm@ukm.edu.my)

Tarikh tutup permohonan : **19 Februari 2021**

Hanya pemohon **yang disenarai pendek** sahaja yang akan dipanggil menghadiri ujian/temuduga.